

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]

TARIKH : 17.5.2016

SOALAN :

Dato' Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pada keseluruhannya keadaan sekolah-sekolah di luar bandar termasuk di Rompin, memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan kerana sebahagian daripada sekolah tidak pernah mendapat kerja-kerja penyelenggaraan, justeru itu berapakah peruntukan Kementerian pada tahun ini untuk disalurkan kepada kerja-kerja penyelenggaraan ini dan berapa tambahan bajet kerja-kerja penyelenggaraan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian kepada sekolah-sekolah yang memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan untuk menaiktaraf kemudahan sekolah. Dalam perkara ini, KPM berusaha menyediakan prasarana dan infrastruktur yang lengkap di sekolah-sekolah yang memerlukan di seluruh negara termasuk negeri Pahang. Usaha yang berterusan ini adalah bagi memastikan akses pendidikan disediakan secara sama rata kepada semua murid. Justeru, melalui inisiatif PPPM (2013-2025) berkaitan infrastruktur sekolah, KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) mengenalpasti sekolah atau bangunan sekolah yang perlu diselenggara dan dibaiki bagi tahun semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan sekolah seluruh Malaysia yang telah dipohon kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi tahun 2016 adalah berjumlah RM2.53 bilion termasuk keperluan Negeri Pahang yang berjumlah RM53.26 juta.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Pendidikan hanya menerima sebanyak RM61.8 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan sekolah di seluruh negara. Sehingga April 2016, sebanyak RM0.94 juta telah diagihkan kepada JPN Pahang untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan yang diperlukan dan pengagihan tersebut dilaksanakan berdasarkan keutamaan dan keperluan yang mendesak.

Bagi tahun 2015 pula, peruntukan penyelenggaraan bagi JPN Pahang adalah sebanyak RM20.46 juta. Bilangan sekolah yang menerima peruntukan penyelenggaraan di Rompin bagi tahun 2015 ialah 59 buah sekolah dengan peruntukan RM1.011 juta. Sementara bagi tahun 2016, pengagihan peruntukan ke sekolah-sekolah di daerah Rompin adalah tertakluk kepada keperluan yang kritikal dan mendesak berdasarkan peruntukan yang ada.

RJM16